

**KELAS BAHASA
ARAB
PENGAJIAN DEWASA
MASJID NEGARA**

*" Sesungguhnya Kami turunkan Al-Quran
dalam Bahasa Arab supaya kamu berusaha
untuk memahaminya "*

(Maksud Al-Quran : Surah Az-Zukhruf, ayat 3)

**BORANG PENDAFTARAN BOLEH
DIPEROLEHI DI PEJABAT
MASJID NEGARA.
SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI
UNIT PENGAJIAN DEWASA**

No. Tel : 03—26937784
No. Faks : 03—26913696

RASIONAL KELAS

MASJID NEGARA sebagai pusat kegiatan umat Islam mempelbagaikan kegiatannya membimbing masyarakat meningkatkan penghayatan Islam.

Kelas Pengajian Bahasa Arab sangat penting memandangkan keperluan masyarakat Islam khususnya yang tinggal di sekitar Lembah Klang bagi membantu mereka untuk memahami ilmu-ilmu Islam secara lebih mendalam lagi.

Kelas ini adalah satu usaha awal ke arah mendedahkan pengetahuan Bahasa Arab yang diharapkan akan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat Islam bagi mempertingkatkan kesedaran Islam serta dapat memahami kitab-kitab agama melalui Bahasa Arab.

TARIKH TUTUP PENDAFTARAN

Borang pendaftaran bersama bayaran hendaklah sampai ke Pejabat Unit Pengajian Dewasa Masjid Negara sebelum atau selewat-lewatnya pada **31 DISEMBER 2009**

TAKLIMAT & KELAS BERMULA

Tarikh : **18 Januari 2010 (Isnin)**
Masa : **5.30 Petang**
Tempat : **Dewan Syarahan,
Masjid Negara**



MASJID NEGARA

**BAHAGIAN
PEMBANGUNAN
KELUARGA, SOSIAL
DAN PENGURUSAN
MASJID
JABATAN KEMAJUAN
ISLAM MALAYSIA
[JAKIM]
JALAN PERDANA
50480 KUALA
LUMPUR
MALAYSIA**

PENDAFTARAN BARU

**KELAS BAHASA ARAB
PENGAJIAN DEWASA
MASJID NEGARA
SESI 2010**

BERTEMPAT

DI UNIT PENGAJIAN DEWASA

MASJID NEGARA

KUALA LUMPUR

KELAS BAHASA ARAB PENGAJIAN DEWASA MASJID NEGARA

OBJEKTIF

- ◆ Memperkenalkan Bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran dan Hadis Rasulullah S.A.W.
- ◆ Mendorong kefahaman supaya meminati Bahasa Arab bagi memahami kitab-kitab agama yang kebanyakannya berbahasa Arab.
- ◆ Memberi kefahaman dan kemahiran Tatabahasa Arab untuk bertutur dan membaca kitab-kitab Arab dengan baik.

PENYERTAAN

- Penyertaan dibuka kepada mereka yang berumur 18 tahun ke atas yang berminat mempelajari Bahasa Arab.

TENAGA PENGAJAR

Tenaga pengajar adalah terdiri daripada guru-guru yang berpengalaman dalam bidang Bahasa Arab.

JADUAL

- ◇ Hari belajar :
 - ⇒ Bahasa Arab Asas :
[*Isnin & Rabu (5.00 Ptg - 7.00 Ptg)*]
ATAU
[*Selasa & Khamis (8.00 Mlm - 10.00 Mlm)*]
 - ⇒ Bahasa Arab Menengah :
[*Selasa & Khamis (8.00 Mlm - 10.00 Mlm)*]
 - ⇒ Bahasa Arab Lanjutan :
[*Isnin & Rabu (8.00 Mlm - 10.00 Mlm)*]

PENDAFTARAN DAN YURAN PENGAJIAN

- ◇ **Bayaran Pendaftaran Dan Yuran Pengajian :**
 - ⇒ Bahasa Arab Asas : RM200.00
 - ⇒ Bahasa Arab Menengah : RM250.00
 - ⇒ Bahasa Arab Lanjutan : RM300.00
- ◇ **Cara Bayaran :**
 - ⇒ Bayaran secara tunai / Wang Pos atas nama " **Imam Besar Masjid Negara** " [Cek tidak diterima].
 - ⇒ Bayaran hendaklah dijelaskan semasa pendaftaran.

PERATURAN

Peserta yang mengikuti Kelas Pengajian Bahasa Arab di Masjid Negara hendaklah memakai pakaian sopan, menutup aurat, mematuhi arahan serta peraturan dan etika Pelajar Unit Pengajian Dewasa Masjid Negara

KALENDAR PENGAJIAN

Tempoh Pengajian :
Januari 2010 hingga November 2010

KURIKULUM PENGAJIAN

- Bahasa Arab Asas :**
 - ⇒ Memperkenalkan asas "Nahu" / "Qawaid" Bahasa Arab.
- Bahasa Arab Menengah :**
 - ⇒ Kemahiran menulis dan berkomunikasi.
- Bahasa Arab Lanjutan :**
 - ⇒ Mendalami dan memperkukuhkan penguasaan Bahasa Arab.

PEPERIKSAAN

Peperiksaan akan diadakan pada bulan
November 2010

(*Tarikh peperiksaan sebenar akan dimaklumkan kemudian*)

Penganugerahan sijil penyertaan akan diberi pada peringkat **Bahasa Arab Asas, Menengah** dan **Lanjutan** kepada mereka yang lulus dalam peperiksaan Pengajian Bahasa Arab.

CUTI

- ~ Bulan Ramadhan
- ~ Cuti Umum
- ~ Hari Sabtu dan Ahad
- ~ Cuti Penggal Persekolahan

(*Tertakluk kepada perubahan*)